

From: UUM CORPORATE COMM.
Sent: Wednesday, September 25, 2019 8:47 AM
To: UUM - All Staff; UUM - All Students
Subject: Masalah Dan Cabaran Dalam Organisasi Buka Peluang Untuk Proses Penambahbaikan



UUM Corporate Comm.
Universiti Utara Malaysia

25 SEPTEMBER 2019 / 25 MUHARAM 1441H

"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)

Oleh: Mohd Amir Aizat Sainon
Gambar oleh: Abdul Halim Husain

MASALAH DAN CABARAN DALAM ORGANISASI BUKA PELUANG UNTUK PROSES PENAMBAHBAIKAN



UUM ONLINE: Masalah dan kelemahan yang dihadapi di dalam sistem pengurusan penyampaian perkhidmatan awam memberi peluang untuk sesebuah organisasi melakukan penambahbaikan dan inovasi ke atas sistem sedia.

Berucap pada perasmian Konvensyen Inovatif dan Kreatif (KIK) Terbuka Universiti Utara Malaysia (UUM) 2019, Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni), Prof. Madya Dr. Hendrik Lamsali berkata walaupun penambahbaikan dan inovasi itu haruslah memberi nilai tambah kepada organisasi dan pelanggan.

"Secara asasnya inovasi adalah berkaitan dengan "executing an idea which addresses a specific challenge and achieves value for both the company and customer".

"KIK merupakan satu mekanisme yang dinamik dari segi penglibatan kakitangan dalam penyelesaian masalah dan penambahbaikan proses kerja atau standard yang sedia ada, atau menjana idea yang baharu.

"Dengan menerapkan konsep *knowledge-based* dan *creativity-driven* akan menghasilkan inovasi yang memberi nilai tambah kepada produk atau perkhidmatan, sama ada aspek pengurusan atau teknikal, yang penting, sumbangan yang diberikan itu signifikan dari segi penyelesaian masalah dan menjadi panduan kepada pihak yang lain," jelasnya.

Beliau turut mengingatkan bahawa tanggungjawab untuk melakukan inovasi dan penambahbaikan bukan terletak di tangan ketua pusat tanggungjawab semata-mata tetapi seharusnya terletak pada semua lapisan kakitangan, justeru semua pihak digalakkan menyumbang idea untuk penambahbaikan jabatan masing-masing.

Sementara itu Pengarah Institut Pengurusan Kualiti (IPQ), Prof. Dr. Sany Sanuri Mohd. Mokhtar berkata penganjuran KIK pada tahun ini membawa beberapa pembaharuan dan penambahbaikan yang telah dirintis dari aspek penyertaan terbuka dan penganugerahan konvensyen.

"Terdapat lima anugerah yang dipertandingkan dalam KIK, iaitu Anugerah Inovasi Terbaik, Anugerah Persembahan Terbaik, Anugerah Fasilitator Terbaik, Anugerah Visual Terbaik dan Anugerah Kreativiti Terbaik.

"Dari segi penyertaan pula, penganjuran KIK pada tahun ini menyaksikan penglibatan sebanyak lapan buah kumpulan terdiri daripada lima kumpulan dari UUM iaitu Jabatan Pembangunan dan Penyenggaraan, Pusat Pengajian Sains Kuantitatif, Pusat Pengajian Perakaunan Tunku Puteri Intan Safinaz dan UUM Press manakala tiga kumpulan dari luar ialah Pejabat Kesihatan Segamat, Johor, Pejabat Kesihatan Daerah Jerantut, Pahang dan Pejabat Kebajikan Masyarakat Daerah Kota Setar, Kedah.

"Syabas diucapkan kepada semua peserta yang akan mempersembahkan dan membawa idea baharu. Diharap ianya memberi impak positif kepada organisasi masing-masing untuk meningkatkan kecekapan proses kerja dan sistem penyampaian pengurusan perkhidmatan awam," ujarnya.

Pada majlis itu juga turut diadakan Penyampaian Hadiah Anugerah Kecemerlangan UUM Sesi Penilaian 2017/2018. Anugerah ini diwujudkan bagi menggalakkan usaha penambahbaikan berterusan dalam kalangan pusat pengajian dan pusat tanggungjawab utama serta sokongan. Skop kecemerlangan ini dinilai dalam tiga bahagian iaitu pengurusan, kewangan dan pencapaian pelan strategik.

Berikut adalah penerima bagi setiap kategori: Jabatan Pendaftar (Pusat Tanggungjawab Utama Terbaik); UUM Press (Pusat Tanggungjawab Sokongan Terbaik); Pusat Pengajian Psikologi Gunaan, Dasar dan Kerja Sosial (Pusat Pengajian Terbaik – Pengurusan); Pusat Pengajian Pengurusan Pelancongan, Hospitaliti dan Acara (Pusat Pengajian Terbaik – Kewangan) dan Pusat Pengajian Pengkomputeran (Pusat Pengajian Terbaik – Pelan Strategik).





Please consider the environment before printing this e-mail



Universiti Utara Malaysia Official Website <http://www.uum.edu.my>

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.